

Publication: Berita Harian, p 2

Date: 11 October 2014

Headline: Work applicants not restricted to academic results

Calon pekerja dicari tak terbatas pada keputusan akademik

SIKAP terbuka dan bersedia mencuba perkara baru di luar bidang pengajian di sekolah – itulah yang dicari beberapa majikan yang menyertai pameran kerjaya dan program bekerja sambil belajar Universiti Pengurusan Singapura (SMU) yang berlangsung kelmarin dan semalam.

Menurut Eksekutif Kawalan Eksport syarikat semikonduktor Infineon Technologies, Cik Windy Patricia, syarikatnya melihat bukan sahaja pada keputusan akademik, malah ciri peribadi calon pekerja.

Syarikat itu menawarkan sehingga 23 tempat bagi program bekerja sambil belajar dalam bidang Rangkaian Bekalan Korporat.

“Kami tidak lihat pada gred mata purata (GPA) seseorang sahaja, tetapi juga sama ada beliau bersedia belajar perkara baru yang tidak mereka pelajari di sekolah,” katanya.

Sikap terbuka itu turut dilihat pada dua mahasiswa SMU – Cik Amalina Abdul Nasir, 20 tahun, yang mengikuti jurusan Sains Sosial, dan Cik Sharifah Fatimah Syed Abu Bakar, 22 tahun, yang mengikuti jurusan Pengurusan Perniagaan – yang ditemui ketika mencari peluang bekerja sambil belajar di pameran tersebut.



SEDIA CUBA BIDANG BARU: Cik Amalina (tengah) dan Cik Sharifah Fatimah (kanan) berbual dengan seorang kakitangan Google, Cik Cheryl Tang, di pameran kerjaya dan program bekerja sambil belajar SMU semalam. – Foto JOHARI RAHMAT

“Kami terbuka merebut apa sahaja peluang yang ada kerana bagi kami, dengan meneroka pelbagai peluang itu, kami juga dapat mempertingkat kemahiran,” ujar Cik Amalina.

Sebanyak 88 majikan daripada syarikat berbilang negara (MNC), syarikat kecil dan sederhana (SME) serta sektor Perkhidmatan Awam menyertai pameran tersebut.

Antara syarikat itu ialah Google, Singapore Post dan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) yang menyertainya buat kali pertama.

Sempena pameran itu, Menteri Tenaga Manusia, Encik Tan Chuan-Jin, turut bercakap dengan sekitar 180 pelajar SMU tentang kepimpinan.

Beliau menggariskan beberapa nilai pemimpin yang baik, termasuk mendapat kepercayaan orang ramai.

Encik Tan turut menekankan bahawa keputusan akademik yang baik dan sifat kepimpinan yang baik sama-sama wujud dan seharusnya wujud bersama.

“Kedua-duanya penting... bukan satu atau yang lain. Sama ada keputusan akademik, personaliti atau ciri peribadi, semuanya boleh wujud bersama dan tidak seharusnya wujud berasingan,” ujarnya.